



EON Inspirasi
Edisi Dr. Nor'aishah Abu Shah

Rahsia Lebah
Sains vs Alquran

Warisan Semulajadi Geologi
Hubungan dengan Flora dan Fauna

Basic Navigation in Forest
Tips and tricks

ISSN 2773-5869



9 772773 586005



Makalah Akademia




RISIKO JANGKITAN *CAT SCRATCH DISEASE* KEPADA PENCINTA KUCING

Oleh
Aida Syafinaz Mokhtar

Pusat Pengajian Biologi, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, Pekan Parit Tinggi, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan

aidasyafinaz@uitm.edu.my

EDITOR: DR. NURLIYANA MOHAMAD





Ramai antara kita merupakan pencinta haiwan, dan kucing merupakan salah satu haiwan yang seringkali dipelihara sebagai haiwan peneman hidup. Kucing juga secara saintifik terbukti mampu memberikan sokongan emosi kepada pemiliknya. Walaupun kebiasaannya anjing sering dipilih sebagai haiwan untuk terapi sokongan, tetapi kini kucing turut menjadi pilihan untuk membantu proses pemulihan seseorang individu daripada gangguan mental dan fizikal. Namun, di sebalik sisi positif kucing sebagai haiwan peneman dan perawat, haiwan ini turut berisiko membawa penyakit berbahaya kepada manusia. Penyakit ini dikenali dengan nama *cat scratch disease* (CSD).

Jangkitan CSD telah dihurai pertama kali oleh saintis pada tahun 1931, tetapi penyebab jangkitan hanya dikenalpasti 50 tahun selepas itu iaitu pada tahun 1983 di mana CSD dikenalpasti sebagai penyakit zoonotik yang disebabkan oleh jangkitan bakteria Gram-negatif *Bartonella henselae*.

Bakteria ini tersebar melalui air liur kucing yang boleh masuk ke dalam tubuh manusia melalui beberapa cara; termasuk sentuhan langsung dengan kulit atau mukosa yang pecah seperti luka terbuka dan cakaran atau gigitan kucing.

Selain itu, penularan bakteria ini juga boleh berlaku melalui vektor, iaitu kutu kucing *Ctenocephalides felis*. Dianggarkan sehingga 30% populasi kucing mempunyai kehadiran bakteria *B. henselae* di dalam darah tetapi hampir kesemua kucing ini tidak menunjukkan sebarang tanda jangkitan. Kucing di bawah umur setahun lebih senang dijangkiti bakteria ini dan lebih berpotensi untuk menyebarkannya kepada manusia kerana sifat semulajadi anak kucing yang suka mencakar dan menggigit ketika bermain dan belajar menyerang musuh.

Jangkitan tipikal CSD selalunya bersifat benign dan *self-limiting*, di mana sistem pertahanan badan manusia akan mengatasinya sendiri. Jangkitan sistemik selalunya sederhana, tetapi dianggarkan 5-10% pesakit boleh mengalami komplikasi seperti demam yang berpanjangan, pneumonia, manifestasi hepatosplenik, ensefalopati, osteomilitis dan penyakit berkaitan mata, terutamanya di kalangan kanak-kanak dalam lingkungan umur 5 hingga 14 tahun dan pesakit dengan sistem imuniti lemah. Kini, CSD telah dikenalpasti sebagai salah satu punca *fever of unknown origin* (FUO); iaitu demam tanpa penyebab yang jelas dan disertai dengan limfadenopati unilateral. Jangkitan CSD selalunya bermula dengan pembentukan *erythematous papule* tiga hingga sepuluh hari selepas terdedah kepada bakteria, diikuti dengan limfadenopati setempat yang muncul satu hingga tiga minggu selepas inokulasi bakteria. Manifestasi ini sering muncul di bahagian nodus limfa di *axilla* dan *epitrochlear* (45%), nodus limfa di kepala dan leher (26%), dan nodus limfa di pangkal paha (17.5%).



Rajah 1: Sebahagian manifestasi klinikal jangkitan *cat scratch disease*, CSD. A: luka papulopustular di tempat jangkitan primer; B: limfadenitis atau bengkak kelenjar di leher pesakit; C: bengkak bernanah di leher; dan D: papular pruritic dermatitis yang menyebabkan kerengsaan kulit (Sumber: www.emedicine.medscape.com)

Analisis serologi untuk bakteria *B. henselae* merupakan kaedah diagnostik utama untuk mengesan CSD. Bacaan serum dengan titer immunoglobulin G anti-*B. henselae* sebanyak $\geq 1:256$ atau titer IgM sebanyak $\geq 1:20$ dikira sebagai positif dan menunjukkan sama ada jangkitan sedang atau baru berlaku. Antibiotik azithromycin yang diambil secara oral selama lima hari; 10mg/kg/dos pada hari pertama diikuti dengan 5 mg/kg/dos pada hari kedua hingga kelima adalah rawatan yang disyorkan untuk merawat penyakit ini. Penggunaan azithromycin juga mampu meredakan limfadenopati dengan lebih pantas.

Jangkitan CSD telah dilaporkan di seluruh dunia dan Malaysia tidak terkecuali. Carian di portal PubMed[®] mendapati sekurang-kurangnya sepuluh penerbitan melaporkan kes CSD di negara ini dan hampir kesemua pesakit mempunyai kontak langsung dengan kucing yang dipelihara di rumah. Selain itu, pengesanan molekular bakteria *B. henselae* di dalam kutu kucing turut dilaporkan oleh saintis Malaysia, menjadikan pencinta kucing khususnya, berisiko tinggi untuk dijangkiti CSD.

Justeru, beberapa langkah pencegahan perlu diambil untuk mengelak dan mengurangkan risiko jangkitan. Antaranya, seseorang perlu segera membasuh luka cakaran dan gigitan kucing dengan cecair antiseptik dan air bersih dan kerap membasuh tangan selepas bermain dengan si manja (kucing), terutamanya jika tinggal bersama-sama anak kecil dan ahli keluarga yang mempunyai sistem imuniti yang lemah. Elakkan bermain dengan kucing peliharaan secara kasar bagi mengelakkan daripada dicakar atau digigit, hindari kucing daripada menjilat luka terbuka di badan, dan elakkan diri daripada bersentuhan secara terus dengan kucing liar. Pencinta kucing juga disarankan untuk memastikan kucing peliharaan menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala. Pastikan kucing yang dipelihara bebas daripada kutu dengan menggunakan ubat kutu secara oral atau sapuan sekurang-kurangnya sekali sebulan, mengikut saranan pakar perubatan veterinar.